



Anwar menunaikan solat Jumaat di Masjid Besar Sheikh Zayed di Abu Dhabi pada lawatan kerjanya ke UAE.

(Foto BERNAMA)

Lawatan PM ke UAE jana komitmen pelaburan RM40.6b

Sektor projek tenaga boleh diperbaharui, aeroangkasa tarik minat pelabur dua negara

Abu Dhabi: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan lawatan beliau ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) sebagai membuahkan hasil yang baik dengan berjaya menarik komitmen pelaburan berjumlah RM40.6 bilion (AS\$8.6 billion).

Kini, katanya, terpolang kepada pimpinan kerajaan serta Kementerian dan agensi terbabit untuk menjadikannya realiti yang pada akhirnya akan menguntungkan negara dan rakyat.

Beliau berkata, pelaburan terbesar adalah melalui pemeteraian dua memorandum persefahaman (MoU), iaitu di antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Majlis Pelaburan Antarabangsa UAE (UAEIIC) berhubung kerjasama bagi menggalakkan pelaburan.

Selain itu, MoU di antara MIDA dan Abu Dhabi Future Energy Company PJSC-Masdar berhubung projek tenaga boleh diperbaharui (RE) di Malaysia dengan kapasiti sehingga 10 gigawatt bernilai AS\$8 bilion.

“Saya juga mahu memberi penekanan kepada bidang kecerdasan buatan (AI) kerana UAE telah mencapai kemajuan yang menakutkan dalam bidang ini.

“Masdar City dibangunkan secara canggih, moden dan memenuhi keperluan hijau serta kewujudan universiti bertaraf dunia, Mohamed bin Zayed University of Artificial Intelligence (MBZUAI), yang pertama mengkhususkan bidang AI.

“Mereka (MBZUAI) memberi laluan untuk bekerjasama dengan Malaysia dan universiti tempatan serta pelajar Malaysia untuk belajar di sana bagi program siswazah,” katanya kepada media Malaysia di akhir lawatan kerja dua hari beliau ke UAE, di sini kelmarin.

Anwar berkata, sepanjang lawatan kerja itu, beliau berkesempatan bertemu ramai tokoh penting di UAE yang mewakili sektor ekonomi, perdagangan dan pelaburan, termasuk Presiden UAE, Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan dan beberapa menteri kanan.

Bertemu 35 pemain industri

Perdana Menteri turut bertemu pemegang taruh dana kekayaan berdaulat UAE, Pihak Berkuasa Pelaburan Abu Dhabi (ADIA) dan syarikat perniagaan terbesar di UAE seperti Mubadala, Lulu Group International, Aldar dan ILC.

Selain Masdar, komitmen pelaburan lain adalah dalam sektor logistik yang bernilai AS\$450 juta dan sektor aeroangkasa bernilai AS\$150 juta.

Perdana Menteri juga berinteraksi dengan 35 pemain industri utama UAE semasa sesi meja bulat bersama penggiat industri di UAE, selain pertemuan dengan syarikat G42 yang mempunyai kepakaran dalam bidang AI.

Mengulas pertemuan dengan Presiden UAE, Anwar berkata, ia berlangsung lebih lama daripada yang dirancang iaitu ki-

ra-kira satu jam.

“Pada pertemuan itu, memang saya menekankan isu ekonomi, perdagangan dan pelaburan. Sebagai sesama negara Islam, kita membincangkan soal diplomatik dan isu serantau dunia Arab dan Asia,” katanya.

Sementara itu, beliau memaklumkan, kerajaan akan mengenal pasti beberapa lokasi yang sesuai bagi pelabur asing yang berminat dalam sektor tenaga boleh diperbaharui (RE) berikutan Malaysia menjadi tarikan kepada pelabur luar yang mahu datang untuk melabur dalam bidang terbabit.

“Beberapa kawasan akan dipilih, kita akan mengenal pasti antara 10 hingga 12 tempat. Mereka (pelabur) akan pilih, sebahagiannya di Pahang,” katanya menambah, Malaysia ketika ini berada di hadapan dalam menerima pelaburan bagi sektor tenaga boleh diperbaharui.

Yakin negara akan semakin ke depan jika komitmen pelaburan dari UAE bernilai AS\$8 bilion untuk projek RE dengan kapasiti sehingga 10 gigawatt menjadi kenyataan, katanya, kerajaan juga bercadang supaya pusat data yang ketika ini berada di Johor dan Selangor dikembangkan ke negeri berdekatan.

“Sewaktu pertemuan dengan pelabur, mereka meminta kita mempercepatkan dan memudahkan proses untuk melakukan perniagaan. Ini yang kita kena usahakan sebab ada negara lain boleh menawarkan lebih baik daripada kita.

“Jika kita memudahkan mereka, pelaburan masuk akan lebih tinggi dan pendapatan negara meningkat,” katanya.

BERNAMA